



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**  
**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**A. SEKTOR KOMUNIKASI**

- 1. Dengan perisytiharan baharu Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), perlukah syarikat dalam kluster komunikasi dan Internet memohon kebenaran dari portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk beroperasi?**

Syarikat dari kluster komunikasi dan internet yang telah mendaftar dalam portal <https://application.miti.gov.my> tidak lagi perlu mendaftar dan boleh mula beroperasi sepenuhnya pada 4 Mei 2020.

Bagi syarikat yang belum mendaftar atau permohonan yang ditolak sebelum ini juga sudah boleh beroperasi bermula pada 4 Mei 2020 ini juga. Namun syarikat adalah digalakkan mengisytiharkan maklumat syarikat di pautan <https://notification.miti.gov.my> sebelum 12 Mei 2020 dan bersetuju dengan Ikrar Akujanji Pematuhan SOP.

Semua syarikat yang beroperasi mulai 4 Mei 2020 adalah wajib mematuhi SOP daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

- 2. Dengan pelaksanaan PKPB, perlukah syarikat yang akan menjalankan kerja-kerja lapangan melaporkan kepada Balai Polis yang berhampiran?**

Mulai 4 Mei 2020, syarikat yang akan menjalankan kerja lapangan tidak perlu lagi memaklumkan kepada Balai Polis berhampiran dan Pejabat MCMC Negeri bagi semua kerja yang akan dijalankan.

- 3. Adakah kerja yang akan dijalankan masih tertakluk kepada sekatan Zon seperti yang dikenakan pada fasa PKP terdahulu?**

Mulai 4 Mei 2020 tidak ada lagi sekatan melaksanakan kerja lapangan di Zon Kuning atau Zon Merah. Semua kerja lapangan dapat dijalankan kecuali di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Walau bagaimanapun, syarikat perlu memastikan keperluan penjarakan sosial dan penjagaan kesihatan pekerja perlu dipatuhi sepanjang masa.

**4. Adakah kerja-kerja pemasangan di premis perumahan dan premis perniagaan sudah dibenarkan pada semua lokasi dalam tempoh PKPB ini?**

Kerja pemasangan di premis pelanggan adalah dibenarkan kecuali di Kawasan PKPD sahaja. Bagi kerja yang akan dijalankan di premis pelanggan, pekerja perlu mencuci tangan dengan *sanitizer* sebelum dan selepas memasuki premis, menjaga penjarakan sosial, tidak bersentuhan dengan pelanggan dan sebolehnya tidak menyentuh barangan yang tiada kaitan dengan pemasangan dalam premis.

**5. Bagi kerja yang memerlukan perjalanan merentas sempadan negeri, adakah masih perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Polis?**

Bagi mereka yang berulang-alik antara tempat bekerja yang merentasi sempadan tidak perlu kelulusan pihak polis, namun semua dokumen berkaitan perlu dibawa bersama sebagai pembuktian jika ditahan oleh pihak Polis.

**6. Terdapat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang tidak membenarkan syarikat beroperasi walaupun telah dibenarkan oleh agensi Kerajaan Persekutuan. Adakah arahan tersebut mengatasi arahan Kerajaan Pusat?**

Setiap Kerajaan Negeri atau PBT mungkin mempunyai isu yang berbeza untuk ditangani dan arahan yang dikeluarkan adalah untuk menjaga kepentingan masyarakat setempat. Syarikat perlu akur kepada arahan-arahan yang dikeluarkan untuk menjamin kesejahteraan masyarakat. Walau bagaimanapun, pihak syarikat boleh berunding dengan PBT dalam mendapatkan kelulusan kerja.

**7. Adakah syarikat boleh beroperasi dengan 100% kapasiti pekerja dan boleh beroperasi 24 jam atau setiap hari?**

Syarikat dibenarkan beroperasi 24 jam dengan kapasiti tenaga mengikut kebiasaan. Sungguhpun begitu, syarikat harus berkeupayaan untuk mengamalkan penjarakan sosial dan mengaplikasikan tatacara keselamatan kesihatan pekerja. Syarikat wajib mematuhi semua SOP dalam Sektor Komunikasi. Operasi bagi sesuatu syarikat juga tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuat kuasa di kawasan syarikat beroperasi dan tidak dibenarkan beroperasi di kawasan PKPD.

**8. Berapakah bilangan pelanggan yang dibenarkan berada dalam satu premis pada satu-satu masa?**

Bagi mengelakkan penularan virus, syarikat perlu menghadkan bilangan pelanggan/tetamu yang berada dalam premis pada satu-satu masa, bilangan pelanggan/tetamu yang dihadkan mengikut keluasan premis dan amalan penjarakan sosial.

**9. Adakah pekerja perlu melakukan saringan kesihatan setiap kali mula bertugas?**

Semua pekerja adalah dikehendaki melakukan saringan kesihatan setiap kali tiba di premis syarikat. Syarikat perlu menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* dan melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan Covid-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari di pintu masuk premis. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5°Celsius ke atas atau bergejala akan diminta untuk pulang ke rumah atau merujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan berdekatan.

**10. Adakah pekerja asing di syarikat komunikasi perlu menjalani ujian saringan Covid-19?**

Semua pekerja warga asing **WAJIB** menjalani ujian saringan Covid-19. Walau bagaimanapun, pegawai dagang (*expatriate*) yang bergejala digalakkan menjalani ujian saringan Covid-19. Kos bagi ujian saringan menerusi pengambilan sampel pekerja asing ditanggung sepenuhnya oleh majikan.

**11. Adakah pekerja perlu membawa sebarang dokumen atau identifikasi khas semasa dalam perjalanan ke tempat kerja?**

Pekerja adalah digalakkan untuk membawa surat kebenaran bekerja dari syarikat masing-masing dalam tempoh PKPB ini.

**12. Adakah pasangan atau penjaga pekerja boleh memandu mereka ke tempat kerja?**

Peraturan pergerakan dalam tempoh PKPB membenarkan 4 orang bergerak dalam satu kenderaan persendirian dengan syarat kesemuanya adalah dari kalangan ahli keluarga terdekat dan dari rumah yang sama.

PUA 136 dalam peraturan 7 berkaitan Kenderaan Persendirian menyatakan:  
*“Mana-mana orang yang memandu kenderaan persendirian tidak boleh membawa lebih daripada tiga penumpang dan penumpang itu hendaklah orang yang tinggal serumah dengannya.”*

**13. Adakah operasi bagi penghantaran pos dan kurier dibenarkan di Kawasan PKPD semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Tidak. Penghantaran pos dan kurier bagi kawasan-kawasan di bawah PKPD masih tidak boleh dilaksanakan kecuali apabila kawasan tersebut diisytiharkan sebagai bebas PKPD oleh pihak Kerajaan.

**14. Adakah pejabat pos dan kurier boleh beroperasi semasa PKPB?**

Ya. Semua pejabat pos dan kurier masih beroperasi seperti biasa kecuali di kawasan PKPD. Pihak pemberi pos dan kurier hendaklah beroperasi mengikut garis panduan dan langkah pencegahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, SOP oleh pihak MITI dan pihak berkuasa yang berkaitan.

**15. Bolehkah aktiviti promosi produk boleh dibenarkan pasca PKPB?**

Aktiviti promosi produk adalah termasuk dalam senarai aktiviti yang dilarang. Larangan ini bertujuan mengelakkan orang ramai berkumpul yang berpotensi menyebabkan penyebaran wabak dari kluster baru.

**16. Bolehkah rakaman program penyiaran dilakukan oleh stesen televisyen dan radio?**

Aktiviti rakaman program penyiaran hendak dibuat mengikut garis panduan dan langkah pencegahan yang dikeluarkan oleh KKM sama ada rakaman dalaman (studio) atau luar premis seperti mengamalkan penjarakan sosial dan penonton kurang dari 10 orang.

**17. Adakah syarikat dibenarkan untuk melakukan tinjauan tapak dan kerja-kerja yang berkaitan dalam tempoh PKPB?**

Syarikat adalah dibenarkan untuk melakukan tinjauan tapak sama ada bagi perancangan infrastruktur baharu, pengoperasian, pengujian (*site acceptance test*) mahupun penyelenggaraan bagi memastikan kelangsungan projek serta penyediaan perkhidmatan komunikasi dapat dilaksanakan dengan cepat sebagai persediaan ke arah pendigitalan masyarakat. Pekerja-pekerja haruslah menjaga penjarakan sosial semasa berada di tapak dan meninggalkan tapak seurus kerja selesai.

**18. Bagaimanakah dengan kerja membaik pulih kerosakan infrastruktur?**

Syarikat adalah dibenarkan untuk menjalankan kerja membaik pulih kerosakan infrastruktur seperti biasa bagi memastikan perkhidmatan komunikasi tidak terjejas. Bagi kerja-kerja baik pulih yang melibatkan pengorekan jalan atau pembinaan infrastruktur yang memerlukan kelulusan PBT atau agensi lain seperti JKR, pihak syarikat haruslah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu berdasarkan peraturan yang berkaitan. Pihak syarikat haruslah memastikan semua kelulusan diperolehi sebelum kerja-kerja dilaksanakan. Di samping itu pematuhan kepada SOP bagi Sektor Komunikasi perlu juga dipatuhi ketika kerja dilaksanakan.

## **B. SEKTOR TEKNOLOGI MAKLUMAT**

### **19. Adakah semua aktiviti di bawah sektor teknologi maklumat dibenarkan beroperasi?**

Hanya aktiviti-aktiviti berikut yang dibenarkan beroperasi mulai 4 Mei 2020:

- i. Pembangunan dan sokongan IT (*IT development and supports*);
- ii. Pusat data dan keselamatan siber (*data centre and cyber security*);
- iii. Perkhidmatan komputer dan berkaitan, termasuk pusat panggilan (*computer and related services, including call centres*); dan
- iv. Penyepadu, pengedar dan prinsipal sistem (*system integrator, distributor, and principal*).

Semua aktiviti yang melibatkan orang awam di pusat latihan atau pusat Internet adalah tidak dibenarkan buat masa ini.

### **20. Dengan pengisytiharan baharu Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), perlukah syarikat sektor teknologi maklumat memohon kebenaran melalui portal MITI untuk beroperasi?**

Syarikat digalakkan membuat pengisytiharan dan ikrar akujanji pematuhan SOP secara sukarela melalui <https://notification.miti.gov.my> bermula 4 Mei hingga 12 Mei 2020. Syarikat boleh memuat turun dan mempamerkan surat akujanji tersebut di premis masing-masing sebagai tanda komitmen syarikat untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan dalam meningkatkan keyakinan kepada pelanggan yang ingin berurusan dengan syarikat.

### **21. Adakah kerja lapangan seperti pemasangan dan penyelenggaraan di premis pelanggan dibenarkan di semua lokasi dalam tempoh PKPB ini?**

Kerja lapangan adalah dibenarkan kecuali di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Bagi kerja yang akan dijalankan di premis pelanggan, pekerja perlu mencuci tangan dengan *hand sanitizer* sebelum dan selepas memasuki premis, menjaga penjarakan sosial, tidak bersentuhan dengan pelanggan dan sebolehnya tidak menyentuh barangan yang tiada kaitan dengan pemasangan atau penyelenggaraan dalam premis.

### **22. Adakah sekatan dikenakan terhadap bilangan pekerja dan waktu operasi syarikat?**

Syarikat dibenarkan beroperasi 24 jam dengan kapasiti tenaga mengikut kebiasaan. Sungguhpun begitu, syarikat harus berkeupayaan untuk mengamalkan penjarakan sosial dan mengaplikasikan tatacara keselamatan kesihatan pekerja. Syarikat adalah diwajibkan mematuhi SOP bagi Sektor

Teknologi Maklumat.

Operasi bagi sesuatu syarikat juga tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuat kuasa di kawasan syarikat beroperasi dan tidak dibenarkan beroperasi di kawasan PKPD.

**23. Adakah pekerja perlu membawa sebarang dokumen atau identifikasi khas semasa dalam perjalanan ke tempat kerja atau lapangan?**

Pekerja adalah digalakkan untuk membawa surat arahan bertugas daripada majikan bagi membantu melancarkan proses pergerakan, jika terdapat sekatan pihak berkuasa.

**24. Adakah aktiviti promosi produk dibenarkan semasa PKPB?**

Tidak. Semua aktiviti promosi produk berbentuk karnival jualan adalah **dilarang** untuk mengelakkan orang ramai berkumpul dan penyebaran wabak. Walau bagaimanapun, syarikat digalakkan membuat promosi produk secara kempen dalam talian.

**25. Apakah langkah-langkah keselamatan dan kawalan yang perlu dilaksanakan di premis perniagaan?**

Semua syarikat diminta untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan kawalan kesihatan seperti berikut:

- i. Mengadakan taklimat kepada pekerja-pekerja berhubung wabak Covid-19 dan langkah-langkah pencegahan sebelum memulakan operasi;
- ii. Menjalankan saringan kesihatan bagi setiap pekerja dan pelawat yang berurusan di premis syarikat. Pekerja/pelawat yang mempunyai suhu badan 37.5°Celsius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom akan diminta untuk pulang ke rumah atau merujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan berdekatan;
- iii. Menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk, semua kawasan umum (*common area*) dan tempat-tempat lain yang sesuai di dalam premis;
- iv. Melaksanakan proses sanitasi dan pembersihan premis:
  - a. setiap kali sebelum syif atau operasi bermula; dan
  - b. sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari terutamanya di kawasan umum (*common area*) seperti lobi, lif, kafeteria, bilik mesyuarat, surau, kenderaan pekerja, pusat rekreasi tertutup, tandas dan tempat pembuangan sampah/tong sampah;
- v. Memastikan amalan penjarakan sosial (*social distancing*) sentiasa diamalkan

dengan melabelkan tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi, khususnya di kawasan seperti kafeteria/kantin, bilik mesyuarat, surau, dewan serba guna dan lain-lain yang berkenaan; dan

- vi. Mewajibkan pemakaian topeng muka (*face mask*) oleh setiap pekerja di kawasan umum.

**26. Perlukah pekerja diperiksa suhu badan setiap kali masuk premis syarikat walaupun suhu badan telah dicatatkan pada hari tersebut?**

Ya perlu. Pemeriksaan suhu badan akan dilakukan kepada siapa sahaja yang ingin memasuki premis.

**27. Adakah syarikat perlu memastikan pelanggan dan pembekal mematuhi amalan penjarakan sosial yang sama?**

Ya. SOP yang sama adalah terpakai kepada semua pekerja dan pelawat yang berada di premis syarikat. Syarikat dinasihatkan untuk memaklumkan pelawat dengan meletakkan notis berkaitan sebelum memasuki premis. Syarikat juga dikehendaki menjalankan saringan kesihatan kepada pelawat sebelum memasuki premis dan merekod maklumat berkaitan.

**28. Adakah SOP yang sama berkaitan penjarakan sosial perlu dilaksanakan di gudang (*warehouse*) syarikat?**

Ya. SOP yang sama adalah terpakai di semua premis syarikat yang beroperasi, termasuk gudang.

**29. Perlukah syarikat melantik pihak ketiga untuk menganggotai Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan?**

Tidak. Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan boleh dianggotai oleh pegawai dan pihak pengurusan syarikat sendiri.

**30. Adakah pegawai dagang (*expatriate*) dan pekerja asing di syarikat teknologi maklumat perlu menjalani ujian saringan Covid-19?**

Semua pekerja warga asing **WAJIB** menjalani ujian saringan Covid-19. Walau bagaimanapun, pegawai dagang (*expatriate*) yang bergejala digalakkan menjalani ujian saringan Covid-19. Kos bagi ujian saringan menerusi pengambilan sampel pekerja asing ditanggung sepenuhnya oleh majikan.

**31. Di manakah saya boleh mendapatkan senarai pejabat atau klinik kesihatan Kerajaan?**

Maklumat berkaitan boleh didapati dari laman web Kementerian Kesihatan di <https://www.moh.gov.my>. Sebarang pertanyaan juga boleh diajukan kepada CPRC di talian 03-8888 2010 atau e-mel [cprc@moh.gov.my](mailto:cprc@moh.gov.my).

**C. SEKTOR E-DAGANG**

**32. Adakah penghantaran barangan/perkhidmatan yang dibeli/ditempah secara e-dagang dibenarkan di semua kawasan?**

Penghantaran barangan dan perkhidmatan seperti pemasangan, penyelenggaraan, dan pembersihan) yang diperoleh secara e-dagang adalah dibenarkan kecuali di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang melibatkan spa, salun kecantikan dan gunting/dandan rambut bergerak (*mobile*) adalah dilarang.

**33. Apakah langkah-langkah keselamatan dan kawalan yang perlu dilaksanakan oleh pekerja lapangan bagi sektor e-dagang?**

Syarikat di bawah sektor e-dagang hendaklah memastikan pematuhan terhadap SOP Sektor E-Dagang seperti berikut:

- i. Penghantar barangan dan pekerja perkhidmatan diwajibkan memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*) pada setiap masa bekerja;
- ii. Membekalkan penghantar/pekerja hendaklah dengan *hand sanitiser* untuk mencuci tangan semasa berada di lapangan; dan
- iii. menggunakan kaedah *online delivery tracking*, *cashless payment* dan *contactless delivery*.

**34. Perlukah pekerja sektor e-dagang memuat turun aplikasi MySejahtera?**

Setiap pekerja sektor e-dagang, terutamanya penghantar barangan dan pekerja perkhidmatan, adalah digalakkan untuk memuat turun dan menggunakan aplikasi MySejahtera untuk melaksanakan penilaian kesihatan sendiri. Ini dapat membantu Kementerian Kesihatan mengawasi penularan wabak Covid-19 dan mendapatkan maklumat awal untuk mengambil tindakan yang cepat dan berkesan.



**35. Adakah latihan di bawah program Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS) akan dijalankan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Ceramah, seminar, kursus atau latihan bersemuka adalah tidak dibenarkan semasa PKPB. Walau bagaimanapun, orang awam boleh mengikuti latihan keusahawanan e-dagang di bawah program PeDAS secara dalam talian.

**D. SEKTOR INDUSTRI KREATIF**

**36. Bolehkah saya menonton filem di panggung wayang?**

Tidak. Semua aktiviti yang melibatkan panggung wayang tidak dibenarkan pada masa ini.

**37. Adakah filem yang telah dirancang untuk tayangan di panggung wayang boleh diteruskan?**

Tidak. Semua tayangan filem di panggung wayang adalah tidak dibenarkan buat masa ini.

**38. Bolehkah saya menganjurkan tayangan filem di tempat awam?**

Tidak. Semua acara/program sosial yang melibatkan orang awam di studio mahupun tempat awam adalah tidak dibenarkan untuk mengelak sebarang bentuk perhimpunan ramai.

**39. Bolehkan aktiviti penggambaran filem dibuat/diteruskan?**

Tidak. Semua aktiviti penggambaran filem yang melibatkan orang awam di studio atau tempat awam adalah tidak dibenarkan.

**40. Apakah aktiviti-aktiviti di bawah sektor industri kreatif (visual) yang dibenarkan untuk beroperasi?**

Aktiviti industri kreatif (visual) yang dibenarkan beroperasi merangkumi pasca-produksi di studio, produksi animasi dan pembangunan permainan digital. Namun begitu aktiviti-aktiviti seperti tayangan di panggung wayang, aktiviti penggambaran filem/ drama/dokumentari/komersial dan semua acara/ konsert/ program yang melibatkan orang awam di studio atau tempat awam adalah dilarang.

Senarai ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

**41. Apakah langkah-langkah keselamatan dan kawalan yang akan dilaksanakan di studio/premis?**

Rujuk butiran di soalan 25 FAQ ini.

**42. Berapakah bilangan pekerja yang boleh berada di studio/premis bagi aktiviti-aktiviti yang dibenarkan beroperasi?**

Aktiviti-aktiviti yang dibenarkan boleh beroperasi dengan kapasiti pekerja mengikut kebiasaan. Sungguhpun begitu, syarikat harus berkeupayaan untuk mengamalkan penjarakan sosial dan mengaplikasikan tatacara keselamatan kesihatan pekerja sekiranya mengambil keputusan untuk beroperasi 100%.

**43. Adakah saya perlu mendapatkan kelulusan pihak polis untuk pergi melaksanakan tugas di studio/premis?**

Hanya surat arahan bertugas dari majikan diperlukan bagi membantu melancarkan proses pergerakan, jika terdapat sekatan pihak berkuasa.

**44. Adakah terdapat sekatan masa yang ditetapkan bagi penggunaan studio?**

Tiada sekatan masa ditetapkan bagi aktiviti yang dibenarkan.

**Catatan:**

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)  
12 MEI 2020**